

Kefahaman Pelajar Sekolah Agama Terpilih Di Selangor Terhadap Doktrin Syiah

Mukhamad Khafiz Abdul Basir¹, Suhaila Sharil², Muhd Imran Abd Razak¹,
Ahmad Firdaus Mohd Noor¹, Mohd Farhan Abd Rahman¹,
Nurul Khairiah Khalid¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar
32610 Perak, Malaysia.

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
71150 Negeri Sembilan.

ABSTRAK

Kemunculan golongan Syiah mula kelihatan di Malaysia setelah teretusnya revolusi Iran tahun 1979 menyebabkan ajaran mereka menular dalam masyarakat Melayu Islam. Ini dapat diperhatikan dengan kemunculan hauzah-hauzah Syiah Melayu di seluruh Malaysia, tangkapan-tangkapan pihak jabatan agama Islam negeri terhadap aktiviti penyebaran Syiah dan kemunculan para graduan Melayu daripada Iran dan lain-lain negara. Kajian ini bertujuan membongkar kesan pengaruh dakyah Syiah di Malaysia terhadap pelajar-pelajar sekolah agama menengah di Selangor serta tahap pengetahuan mereka terhadap ajaran ini. Kajian kuantitatif ini bersifat diskriptif menggunakan kaedah tinjauan (survey reseach) melalui instrumen soal selidik dan purposive sample kepada 756 pelajar-pelajar SPM tahun 2018 daripada 9 buah sekolah menengah asrama penuh. Hasil kajian menunjukkan bahawa 7 responden mempunyai rakan berfahaman Syiah, 1 responden terlibat dengan ajaran Syiah, dan seramai 107 responden tidak pernah mendengar taklimat atau ceramah berkenaan dengan kesesatan Syiah. Justeru usaha menyedarkan masyarakat Islam dalam kalangan pelajar muslim tentang penyelewangan ajaran Syiah dan kesesatan mereka perlu ditekankan dan pendedahan secara berperingkat perlu dilaksanakan sebelum mereka melangkah ke alam universiti yang pastinya lebih terbuka dan mencabar.

Kata kunci: *Syiah, hauzah, dakyah, ajaran sesat, sekolah agama*

1. PENGENALAN

1.1 Pengenalan kepada Syiah

Syiah merupakan salah satu ajaran yang bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Perkara ini telahpun diwartakan oleh kerajaan negeri Selangor pada 24 September 1998. Oleh itu mana-mana orang Islam adalah dilarang berpegang dengan ajaran-ajaran dan fahaman tersebut yang mana larangan ini meliputi:

- a) Mengajar, mempelajari, mengamalkan, menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syiah kecuali untuk amalan individu itu sendiri; atau
- b) Menerbitkan apa-apa bentuk versi atau variasi atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti samada bercetak atau elektronik atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran tersebut; atau
- c) Menjadi anggota atau pemimpin mana-mana golongan Syiah atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian. (Mais, 2013).

yang dibentangkan dalam satu majlis tertutup di Klana Beach Resort Port Dickson tahun 2018).

Demikian jumlah pengikut telah meningkat walaupun tidak dapat dipastikan secara tepat, dan mereka mendakwa bahawa jumlah penganut ajaran Syiah di Malaysia sekitar 1 juta orang. Peningkatan ini berfaktor daripada perkahwinan, pertambahan jumlah ustaz-ustaz Syiah yang telah graduan dan seterusnya menjadi pendakwah secara terangan-terangan mahupun tersembunyi (Mukhamad Khafiz, 2016).

Penyebaran pengaruh Syiah di Malaysia antara lain adalah hasil daripada wasiat Ali Khomaini kepada semua penganut Syiah Iran supaya mengeksport revolusi Syiah mereka ini kepada umat Islam di seluruh dunia. Khomaini berkata: "*Sesungguhnya kita berharap supaya revolusi ini adalah berbentuk international, dan ianya merupakan mukaddimah kepada kemunculan Baqiyyatullah (Imam al-Ghoib kedua belas Syiah), ruh-ruh kami kita dahulukan sebagai ganti*". Beliau berkata lagi: "*Demi sesungguhnya kita semua telah bangkit bagi menghidupkan Islam dalam negara ini, dan kita akan bekerja supaya mengeksport revolusi ini ke seluruh tempat insyaallah*". (Ali Al-Khomaini, 1989)

2.1 Pengaruh Syiah di Sekolah Agama Menengah Negeri Selangor

Dalam siri penerangan tentang penyelewengan ajaran Syiah di sembilan buah sekolah agama menengah negeri Selangor, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada para pelajar yang merupakan calon-calon SPM 2018. Sebanyak 15 soalan ringkas dan mudah telah diedarkan bagi menilai tahap pengetahuan mereka terhadap ajaran sesat Syiah ini.


2.2 Soalan Borang kaji Selidik yang telah diedarkan kepada para pelajar

No	Soalan-soalan Kaji Selidik	Jawapan	
1	Pernahkan anda mendengar taklimat berkaitan Syiah?	Ya	Tidak
2	Apakah anda memahami taklimat yang disampaikan?	Ya	Tidak
3	Adakah Syiah sebahagian dari Islam?	Ya	Tidak
4	Pernahkan anda membaca berkaitan ajaran Syiah?	Ya	Tidak
5	Adakah ajaran Syiah sesat?	Ya	Tidak
6	Adakah anda mempunyai kawan berfahaman Syiah?	Ya	Tidak
7	Adakah taklimat sebegini perlu diberikan kepada pelajar Tingkatan 5 sebelum tamat persekolahan?	Ya	Tidak
8	Setelah mendengar taklimat berkaitan Syiah, adakah anda dapat membezakan antara Syiah dan Ahlul Sunnah?	Ya	Tidak
9	Adakah anda setuju, Syiah merupakan ancaman kepada perpaduan Islam di Malaysia?	Ya	Tidak
10	Adakah Syiah merbahaya kepada Malaysia?	Ya	Tidak
11	Adakah anda setuju Syiah merupakan ancaman aqidah ummah?	Ya	Tidak
12	Adakah anda maklum tentang kewujudan golongan Syiah di Malaysia?	Ya	Tidak
13	Pernahkan anda melayari internet dan menjumpai halaman atau di media sosial berkaitan Syiah?	Ya	Tidak
14	Adakah Syiah boleh diiktiraf sebagai salah satu mazhab di Malaysia?	Ya	Tidak
15	Adakah anda terjebak dengan Syiah?	Ya	Tidak

Hasil dapatan daripada borang soal selidik itu menunjukkan bahawa 107 responden tidak pernah mendengar langsung taklimat berkenaan kesesatan ajaran Syiah. Seramai 268 responden tidak pernah membaca bahan berkaitan dengan Syiah. 13 orang pelajar berpendapat bahawa Syiah bukanlah ajaran sesat, 12 orang pelajar langsung tidak pernah mengetahui kewujudan kelompok Syiah di Malaysia, seramai 414 pelajar tidak pernah

menemui bahan-bahan website berkaitan Syiah, seorang pelajar bersetuju mengiktiraf Syiah sebagai salah satu mazhab di Malaysia, dan seorang pelajar pernah terjebak dengan Syiah. Data ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah aliran agama sendiri masih berada pada tahap yang agak membimbangkan kerana 14.15% dalam kalangan mereka tidak pernah mendengar langsung tentang taklimat atau ceramah berkenaan bahaya dan kesesatan Syiah. Susulan itu juga seramai 754 pelajar bersetuju supaya ceramah dan taklimat berkenaan kesesatan Syiah wajar diberikan kepada pelajar tingkatan 5 sebelum mereka menamatkan alam persekolah dan memasuki mana-mana universiti.

3. HASIL DAPATAN KAJI SELIDIK SOALAN PELAJAR SEKOLAH-SEKOLAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



PENUTUP

Daripada kajian ini dapat difahami bahawa pengaruh dakyah Syiah sedikit sebanyak menular dalam kalangan pelajar di Malaysia apabila ada dalam kalangan mereka yang masih menganggap bahawa Syiah tidaklah sesat dan membahayakan. Bahkan kelihatan bahawa seorang daripada jumlah responden itu memang berpegang dengan ajaran menyeleweng tersebut. Keadaan ini mendatangkan kegelisahan dan kebimbangan dalam usaha pihak bertanggungjawab membendung penyebaran aliran sesat ini. Dapat dirumuskan juga bahawa tahap kearifan dan kefahaman pelajar-pelajar aliran sekolah agama Menengah di Selangor terhadap kebathilan ajaran Syiah ini masih berada pada tahap yang belum memuaskan. Maka adalah disarankan supaya empat langkah utama diambil bagi membendung penularan dan mengukuhkan tahap kefahaman aliran ini dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah agama, langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut;

Pertama: Pihak pentadbiran sekolah agama menganjurkan program penerangan dan taklimat penyelewengan Syiah secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun kepada pelajar-pelajar tingkat 4 dan tingkatan 5. Kaedah ini diharap akan mampu memberi pendedahan ringkas kepada mereka sebelum mereka melangkah ke alam universiti dan bakal berdepan dengan cabaran dan kepelbagaian aliran dan pemikiran samada daripada dalam negara mahupun luar negara.

Kedua: Pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) disarankan agar mengedarkan *banner* berkenaan fatwa dan ringkasan penyelewengan akidah Syiah kepada semua sekolah-sekolah menengah khususnya sekolah asrama aliran agama di negeri Selangor dan ditampalkan ditempat-tempat iklan pelajar.

Ketiga: Pihak Majlis Agama Islam Negeri Selangor perlulah membina sebuah website yang menjadi ensiklopedia kecil tentang kesesatan Syiah, menjawab syubahat-syubahat kesesatan mereka dan membongkar pembongkaran mereka atas nama Nabi dan Ahlul bait.

Keempat: Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama pihak berkuasa agama disarankan agar menyemak semula silibus Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah khususnya berkaitan status pegangan akidah di Malaysia dan mendedahkan sedikit sebanyak penyelewengan Syiah dan bahaya ajaran mereka dalam kurikulum dan ko-kurikulum pendidikan.

Semoga dengan empat langkah utama ini ianya mampu memberi kefahaman dalam kalangan para pelajar sekolah menengah dan kepada masyarakat Islam secara umum, ini secara langsung dapat menjamin kemurniaan akidah masyarakat Islam di Malaysia supaya terus konsisten dengan ajaran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. (Mohamed Fairouz, 2018).

BIBLIOGRAFI

- Abul Hasan al-Asy'ari (1990). *Maqalat al-Islamiyyin Wa Ikhtilaf al-Musollin*, Cetakan al-Maktabah al-Asriyyah Beirut.
- Ali Al-Khomaini (1989). *Tasdir al-Thaurah Indal Imam al-Khomaini*, Muassasah Tanzim Wa Nasyr Turas al-Imam al-Khomaini.
- Al-Mufid, Muhamad Muhamad al-Nukman. (1993), *Awail al-Maqalat*, Darul Mufid Beirut.
- Muhamad Fairouz Fathillah (2018). *Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin Dan Amalan Syiah Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mukhamad Khafiz Abdul Basir (2016). *Dakwah Syiah Imamiyah di Malaysia dan Kesungguhan Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Menanganinya*. Tesis Sarjana. Riyadh: King Saud Universiti Arab Saudi.
- Mais (2013). Fatwa *Sighah* Berkaitan Ajaran Syiah Di Negeri Selangor. *Mais*. <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/2017-terkini/797-fatwa-sighah-berkaitan-ajaran-syiah-di-negeri-selangor-pindaan>. [20 mac 2019].

